

10/05/1998

Umat Islam perlu betulkan persepsi

Mior Kamarul Shahid in Kaherah

KAHERAH: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan umat Islam supaya membetulkan persepsi buruk terhadap Islam yang begitu ketara di seluruh dunia menerusi pengajaran Islam berasaskan amalan toleransi dan kesederhanaan serta menolak sikap fanatik dan ekstremis.

"Jika kita mahu membetulkan imej Islam, jika kita mahu melenyapkan persepsi umat Islam sebagai musuh yang zalim, tidak toleran, tidak bersikap kesederhanaan dan ekstremis, kita perlu bersedia membuang sikap mahu menuntut bela dengan melakukan tindakan ganas," kata Perdana Menteri.

Pandangannya disampaikan di majlis syarahan dan penerimaan Doktor Falsafah Kehormat Persuratan Universiti Al-Azhar di sini, semalam. Turut hadir ialah Presiden Al-Azhar, Dr Ahmad Omar Hashim dan Sheikh Besar Al-Azhar, Dr Mohamed Sayed Tantawi.

Dalam syarahan bertajuk 'Toleransi dan Kesederhanaan dalam Islam', Dr Mahathir menegaskan tindakan membunuh sesama Islam dan orang lain untuk menunjukkan kekuatan dan komitmen kepada perjuangan, mungkin berjaya menarik perhatian terhadap perasaan tidak puas hati, tetapi tidak bermakna berjaya dalam perjuangan.

"Kita tahu dengan lebih besar ketidakadilan dan penindasan dilakukan terhadap kita, bertambah kuat lagi azam kita untuk melawan.

"Begitu juga, bertambah kuat kita mengenakan perkara yang sama kepada musuh kita, bertambah kuat pula azam mereka. Maka, bertambah kuatlah pertentangan yang perlu dihadapi.

"Kita tidak akan menang dengan cara itu. Ia hanya memuaskan nafsu untuk menuntut bela atau tujuan membalas dendam sekadar memuaskan nafsu buas kita," katanya.

Dengan menyebut beberapa surah Quran, Dr Mahathir berkata adalah penting bagi umat Islam menanam nilai toleransi dan kesederhanaan yang bertunjangkan kepercayaan kepada Islam.

Perdana Menteri menjelaskan, Islam bukan semata-mata mengenai ibadat dan rupa wajah, sebaliknya cara hidup, Ad-din.

"Cara hidup bukan digambarkan kepada ketaatan kepada agama semata-mata tetapi juga sikap toleran dan kesederhanaan dalam segala perlakuan manusia," katanya.

Dr Mahathir berkata umat Islam tidak sewajarnya membuat tuduhan dan menghukum secara melulu terhadap umat Islam lain kerana ia hanya akan melemahkan umat Islam dan membenarkan mereka yang bertentangan dengan Islam dan umat Islam menewaskan mereka.

"Kita tidak boleh memburuk-burukkan orang lain. Kecaman kita kepada orang lain menunjukkan sikap tidak bertoleransi dan tentunya ia bertentangan dengan ajaran Islam," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan tidak semua umat Islam menetap di negara yang mana penduduknya 100 peratus umat Islam.

Hari ini ramai umat Islam menetap di negara bukan Islam, di negara bukan masyarakat Islam. Ada perkara yang masyarakat 100 peratus umat Islam boleh lakukan tetapi tidak boleh dilakukan dalam masyarakat di mana majoriti umat Islam adalah kecil atau mereka adalah golongan minoriti.

Umat Islam yang menetap di negara Islam sepenuhnya perlu ingat bahawa dalam dunia yang kian kecil, apa saja yang dilakukan di dalam masyarakat Islam atau negara Islam akan memberi kesan kepada kehidupan masyarakat Islam lain.

"Kita di negara Islam yang besar, mungkin boleh bersikap tidak

bertoleransi dan menekan bukan Islam. Tetapi, kita mesti ingat bahawa ia memberi kesan kepada kehidupan umat Islam yang menjadi masyarakat minoriti di negara lain.

"Kita tidak mahu masyarakat Islam minoriti di banyak negara sengsara disebabkan tindakan kita terhadap masyarakat bukan Islam," katanya.

(END)